



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

MAJLIS KONVOKESYEN ILJTM TAHUN 2017 JABATAN TENAGA MANUSIA **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Kuala Lumpur, 8 Ogos 2017 – Pembukaan Majlis Konvokesyen Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Tahun 2017 telah berlangsung hari ini dan melibatkan seramai 10,917 graduan dari 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia yang telah berjaya menamatkan latihan di peringkat Diploma Lanjutan, Diploma dan Sijil.

Graduan–graduan ini adalah dari lulusan bidang Mekanikal, Elektrikal dan Elektronik, Sivil, ICT, Percetakan dan Bukan Logam. Graduan yang telah dilatih di ILJTM ini mampu untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan di pelbagai projek mega berimpak tinggi seperti projek High Speed Rail (HSR), Mass Rapid Transit (MRT), Lebuhraya Pan Borneo, Rapid Penggerang, East Coast Rail Link, dan pelbagai lagi industri.

Para graduan digalakkan untuk sentiasa mempelajari dan meneroka kemahiran dan ilmu baharu yang relevan dengan revolusi 4.0 seperti Teknologi Robotik, *Internet of Things (IOT)*, *Additive and Intelligent Manufacturing*, dan *Cloud System* supaya para graduan kekal relevan dengan keperluan industri.

Transformasi Nasional 2050 atau TN50 adalah satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia melangkaui 2020, sehingga 2050. Dari sebuah negara maju, kita harus menyoar untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi pada tahun 2050 kelak. Atas dasar ini jugalah TVET telah diberikan keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 di mana negara menasarkan 60% daripada pekerjaan baharu yang bakal diwujudkan pada tahun 2020 adalah pekerjaan yang berteraskan kemahiran TVET.

Justeru, Kerajaan mengambil inisiatif dalam memastikan program TVET yang direka dan dijalankan dapat memenuhi keperluan kedua-dua industri tempatan dan global serta permintaan terhadap kualiti dan tenaga kerja mahir.

Graduan hendaklah sentiasa berfikiran terbuka dan bersikap rasional serta bersedia menerima perubahan baharu demi memajukan diri masing-masing. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kini, sudah pasti cabaran dan kekangan dalam mendapatkan pekerjaan idaman terhad dan persaingannya juga hebat. Graduan perlu berusaha memperbaiki kemahiran interpersonal dan meningkatkan produktiviti

diri supaya mendapat tempat dalam pasaran kerja. Pelbagai peluang pekerjaan yang ditawarkan boleh diisi graduan di negara ini dengan syarat tidak terlalu selektif dan mementingkan soal gaji semata-mata.

Pelbagai usaha dirancang oleh Kementerian untuk meningkat peratus pekerja mahir negara kepada 35% menjelang 2020 dan menjelang 2050 Malaysia, mampu menjadi sebahagian daripada 20 negara teratas didunia.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
8 Ogos 2017**